

01/04/1998

Kempen kesedaran IT Perak berjaya

Khairul Anuar Samad

KEMPEN kesedaran teknologi maklumat (IT) anjuran Jabatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, yang diadakan di Kinta City, Ipoh, minggu lalu menghasilkan kejayaan.

Ini berdasarkan jumlah pengunjung pada hari pembukaan, yang memenuhi ruang legar pusat beli-belah itu.

Di samping itu, pengunjung yang kebanyakannya celik komputer berdasarkan minat mereka sentiasa mengemukakan persoalan ingin mengetahui teknologi dan manfaat komputer yang disediakan.

Kempen yang dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, adalah kempen kesedaran IT bergerak yang akan diadakan di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Kempen yang dimulakan tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dimulakan dengan negeri Kedah dan diikuti oleh negeri Selangor, yang kesemuanya menampakkan kejayaan.

Bagi peringkat negeri Perak, kira-kira 20 ruang pameran disediakan yang menempatkan pelbagai pihak seperti institusi pengajian tinggi, syarikat swasta, agensi Kerajaan negeri dan Persekutuan.

Sektor pendidikan disertai oleh Universiti Putera Malaysia (UPM); Universiti Malaya (UM); Universiti Utara Malaysia (UUM); Cosmopoint Sdn Bhd dan Institute Informatics.

Sektor ini menyediakan maklumat terkini pengajian disediakan selain memperkenalkan produk ciptaan mereka.

Swasta disertai oleh IT Base (Perak); Sepadu Komputer; Chan Sam Lock Colour Lab & Photo Services Sdn Bhd; PC Unlimited dan Acer Sales & Services Sdn Bhd.

Pihak Kerajaan negeri disertai oleh Lembaga Air Perak; Majlis Daerah Kinta Selatan dan Dewan Bandaraya Ipoh. Di samping itu, ia juga disertai oleh Bernama; Mimos Berhad dan Mastic.

Matlamat menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai agenda IT negara mampu dicapai sekiranya banyak pihak sanggup membabitkan diri tidak kira sektor Kerajaan atau swasta.

Walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, agenda penting negara itu tetap harus dilaksanakan dengan memaksimumkan kemudahan melalui penggunaan IT dan bijak merancangnya.

Kempen seterusnya akan diadakan di Johor Bahru akhir bulan ini dan pembabitan pihak berkenaan amat dialukan bagi menjayakannya.

(END)